

Persiapan pelajar kejuruteraan awam UMS masuki dunia perindustrian

UB 05.01.2024 P.08

KOTA KINABALU: Program Ceramah Industrialised Building System (IBS) berfokuskan 'Light Steel Frame' anjuran Kelab Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini membantu pelajar program kejuruteraan untuk memasuki dunia perindustrian selepas menamatkan pengajian.

Pengarah program ceramah itu, Natasha Oswen Bernard Lojikim, berkata ia antara lain bertujuan menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan konsep IBS yang kini semakin terkenal di dunia perindustrian.

"Program dengan kerjasama Beau Villas IBS Sdn Bhd ini juga platform untuk mempelajari salah satu elemen penting dalam aspek pembangunan dan pembinaan yang mampan.

"Ini sekali gus mampu meningkatkan peluang pekerjaan kepada pelajar kejuruteraan awam kerana pelajar telah didedahkan dengan pengetahuan," katanya.

Natasha berkata tiga wakil daripada Beau Villas IBS Sdn Bhd., iaitu pemilik dan Ketua Pegawai Eksekutif, Michael He Long; Pengurus Projek, Clifford Darwin; dan Pentadbir Pemasaran, Bexter Jimmy telah hadir untuk memberikan ceramah IBS dan penggunaan 'Light Steel Frame'.

Dalam pada itu, Pensyarah Kanan Kejuruteraan Awam, Sr Ts. Dr. Asmawan Mohd Sarman ketika merasmikan program itu mengalu-alukan kerjasama bersama industri tersebut dan mengharapkan agar semua pelajar mendapat ilmu pengetahuan yang baharu dan berguna untuk masa hadapan yang cemerlang.



PENDEDAHAN: Sebahagian pelajar Fakulti Kejuruteraan UMS yang menyertai ceramah berkenaan.



BERKONGSI ILMU: (Dari kiri) Dr. Asmawan Mohd Sarman, Michael He Long, Clifford Darwin bersama Bexter Jimmy.

Beliau turut mengambil peluang untuk berkongsi beberapa kemajuan masa kini dalam penggunaan IBS dan memberikan beberapa

contoh projek menggunakan IBS.

Lebih 100 pelajar terdiri daripada pelajar Ijazah Doktor Falsafah dan pelajar

tahun 2 dan tahun 4 Program Kejuruteraan Awam terlibat dalam menjayakan program ceramah tersebut.